



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-61794752

Faksimile : 03-62414679

E-mel: wea0260@moe.edu.my



Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (72)

Tarikh : 17 Julai 2023

Semua Ibu Bapa/Penjaga

Murid Tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

SMK Tiara Permai

Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENGANJURAN KEJOHANAN OLAHRAGA TAHUNAN KALI KE-3 SETIARA

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak sekolah akan menganjurkan Kejohanan Olahraga Tahunan Kali (KOT) ke 3 SETIARA seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 22 Julai 2023 (Sabtu)
Masa : 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari
Tempat : Padang Saujana SK Tiara Permai

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, pihak SK Tiara Permai telah memutuskan hanya membenarkan murid, guru dan Yang Dipertua PIBG selaku perasmian sahaja berada dalam kawasan sekolah semasa kejohanan ini berlangsung. Ibu bapa/penjaga adalah tidak dibenarkan berada dalam kawasan SK Tiara Permai semasa kejohanan ini berlangsung.

... 4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan hanya boleh menghantar dan mengambil anak/anak jagaan masing-masing di SK Tiara Permai. Kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan juga dimohon untuk memastikan anak/anak jagaan masing-masing hadir mengikut masa yang telah ditetapkan. Bersama-sama ini dilampirkan atur cara KOT kali ke-3 SETIARA untuk perhatian dan tindakan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan selanjutnya.

5. Kesulitan yang timbul ekoran daripada keputusan pihak SK Tiara Permai yang tidak membenarkan ibu bapa/penjaga berada dalam kawasan sekolah semasa KOT berlangsung amat kami kesali. Namun keputusan yang dibuat oleh pihak SK Tiara Permai perlu diterima dan dihormati bagi memastikan KOT SETIARA kali ke-3 dapat dilangsungkan seperti yang dirancang.

6. Pihak sekolah akan memastikan pelaksanaan KOT SETIARA kali ke-3 mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menjamin kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid. Agensi Pertahanan Awam Kuala Lumpur juga telah meluluskan permohonan pihak sekolah dengan menghantar pasukan paramedik dan sebuah ambulans semasa KOT berlangsung.

...2/-

7. Pelaksanaan KOT SETIARA kali ke-3 ini juga telah mendapat sokongan dan bantuan daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pinjaman khemah, kerusi dan meja. Manakala pejabat Yang Berhormat Ahli Parlimen Batu juga telah membantu pihak sekolah mendapatkan peralatan PA Sistem daripada Jabatan Penerangan Kuala Lumpur. Pihak sekolah juga telah berjaya mendapatkan sumbangan air minuman MILO daripada Syarikat Nestle.

8. Pertanyaan lanjut mengenai pemakluman ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi guru kelas anak/anak jagaan masing-masing.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN AB KADIR AMW)

Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

ATUR CARA KEJOHANAN OLAHRAGA TAHUNAN KALI KE-3 SETIARA

Tarikh : 22 Julai 2023 (Sabtu)

Masa : 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari

Tempat : Padang Saujana SK Tiara Permai

07.30 pagi	- Pendaftaran murid dan guru
07. 45 pagi	- Ketibaan Tetamu Kehormat
08.00 pagi	- Semua murid dan guru berkumpul di khemah masing-masing
08.15 pagi	- Perbarisan Rumah Sukan dan Lintas Hormat - Nyanyian Lagu Negaraku - Bacaan Doa - Ucapan Alu-aluan oleh Pengetua SETIARA - Ucapan Perasmian oleh Yang Dipertua PIBG SETIARA - Bacaan Ikrar Kejohanan Olahraga Tahunan - Perbarisan keluar
08.30 pagi	- Acara Kejohanan Olahraga Tahunan
09.30 pagi	- REHAT
09.45 pagi	- Penyampaian Hadiah
10.00 pagi	- sambungan Acara Kejohanan Olahraga Tahunan
10.45 pagi	- Penyampaian Hadiah - Penyerahan bendera Kejohanan Olahraga Tahunan
11.30 pagi	- Bersurai